



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

DENGAN KERJASAMA



World Health
Organization

Malaysia, Brunei Darussalam
and Singapore

MOH/K/DID/9.24(BP)-e



— DASAR — LITERASI KESIHATAN KEBANGSAAN



Agenda Nasional
Malaysia Sihat



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA


© KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Diterbitkan pada tahun 2024 oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan

Semua hakcipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa juga cara-cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 1-3, Blok E10, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

ISBN 978-629-98543-8-8



9 786299 854388



“ Saya menyokong pembangunan Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan (DLKK) ini sebagai panduan untuk menangani pelbagai dimensi masalah literasi kesihatan dalam masyarakat secara tuntas. Dengan menyatupadukan usaha bersama pelbagai pihak, kita mampu untuk mereka suatu bentuk pendekatan baharu yang bersesuaian dengan pelbagai kumpulan sasar.

Pembentukan DLKK ini mencerminkan komitmen Malaysia untuk meningkatkan literasi kesihatan masyarakat dan menjadi pemangkin baharu kepada perubahan sikap dan amalan kesihatan masyarakat. Semoga DLKK mampu menjadi wahana baharu dalam mewujudkan masa hadapan yang lebih sihat dan makmur untuk setiap lapisan masyarakat.

”

ANWAR IBRAHIM
PERDANA MENTERI



“

Penentu sosial kesihatan adalah faktor bukan perubatan yang kebanyakannya berada di luar kemudahan kesihatan. Bagi memupuk tingkah laku kesihatan yang baik ke arah pembudayaan hidup sihat secara menyeluruh, usaha dan kerjasama daripada pelbagai sektor selain daripada sektor kesihatan adalah perlu. Justeru, DLKK ini menjadi panduan kepada semua pihak untuk bekerjasama menambah baik tatakelola inisiatif literasi kesihatan dan promosi kesihatan di semua peringkat.

”

DR DZULKEFLY AHMAD

MENTERI KESIHATAN



“

Literasi kesihatan adalah faktor penting dalam memastikan keberhasilan kesihatan yang signifikan. Ia bukan sekadar kebolehan mengakses maklumat kesihatan melalui media sosial, laman web, membaca risalah dan mengikuti tingkah laku kesihatan yang disarankan. Ia haruslah dapat melengkapkan individu dengan keupayaan membuat pertimbangan kritikal mengenai maklumat dan sumber kesihatan serta mampu berinteraksi dan menyatakan keperluan diri dan masyarakat dalam mempromosi dan membudayakan hidup sihat yang dapat menyumbang kepada kesihatan dan kesejahteraan yang lebih baik. Dengan menambah baik akses rakyat kepada maklumat kesihatan yang mudah difahami dan dipercayai serta keupayaan mereka menggunakan maklumat tersebut dengan berkesan, literasi kesihatan dilihat amat penting dalam memperkasakan individu untuk membuat keputusan tentang kesihatan sendiri serta membolehkan keterlibatan mereka mengambil tindakan promosi kesihatan yang kolektif ke arah menangani penentu sosial kesihatan.

Peningkatan tahap literasi kesihatan adalah keutamaan dalam meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan rakyat, terutamanya dalam kalangan kumpulan yang kurang bernasib baik dan terpinggir. Pertubuhan Kesihatan Sedunia berbesar hati dapat bekerjasama dengan Kerajaan Malaysia untuk membangunkan Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan (DLKK).

”

DR RABINDRA ABEYASINGHE

WAKIL PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO) KE
MALAYSIA, BRUNEI DARUSSALAM DAN SINGAPURA



ISI KANDUNGAN

RINGKASAN EKSEKUTIF	X
LITERASI KESIHATAN	2
ANALISIS SITUASI	4
PERKEMBANGAN LITERASI KESIHATAN MALAYSIA	6
PEMBANGUNAN DLKK	10
KONSULTASI DAN LIBAT URUS	12
ISU DAN JURANG	13
MEMBINA SINERGI LITERASI KESIHATAN MALAYSIA	14
MISI DAN VISI	15
ASPIRASI	16
KERANGKA DLKK	18
TERAS DASAR	20
6 STRATEGI LITERASI KESIHATAN	
• MEMANTAPKAN KOMPETENSI LITERASI KESIHATAN MENERUSI INTEGRASI DALAM SISTEM PENDIDIKAN	22
• MENGADVOKASI KOMPETENSI LITERASI KESIHATAN DALAM KUMPULAN SASAR	28
• MENINGKATKAN AKSES RAKYAT KEPADA MAKLUMAT KESIHATAN YANG TEPAT DAN MUDAH DIFAHAMI	34
• MENTRANSFORMASI KOMUNIKASI KESIHATAN	42
• MEMPELBAGAI SUMBER KEWANGAN	48
• MENGINTEGRASI KEMAJUAN LITERASI KESIHATAN MENERUSI SISTEM DATA PINTAR	54
JANGKAAN IMPAK	59
KERANGKA KEBERHASILAN	60
JANGKA MASA PELAKSANAAN	62
HALA TUJU PELAKSANAAN	63
RUJUKAN UTAMA	64
PENUTUP	65
PENGHARGAAN	66



“Literasi kesehatan merupakan penentu sosial kesehatan yang penting bagi memperkuat individu dan komunitas untuk dampak kesehatan yang lebih baik. Usaha meningkatkan tahap literasi kesehatan rakyat menuntut kerjasama semua pihak bagi memperkuat persekitaran yang menyokong kesehatan dan mempromosi literasi kesehatan secara berkesan.”

Pertubuhan Kesihatan Sedunia






RINGKASAN EKSEKUTIF



Literasi kesihatan di Malaysia telah berkembang pesat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, menandakan kesedaran yang semakin tinggi terhadap kepentingan maklumat kesihatan dalam membuat keputusan secara bijak. Konsep literasi kesihatan tidak hanya terbatas kepada pendidikan asas, tetapi juga merangkumi kemahiran individu dan komuniti untuk mengakses, memahami, menilai, serta menggunakan maklumat kesihatan dalam kehidupan harian mereka.

Sistem penjagaan kesihatan Malaysia mengiktiraf kepentingan tahap literasi kesihatan yang tinggi dalam kalangan masyarakat. Beberapa langkah telah diambil untuk meningkatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang aspek-aspek berkaitan kesihatan, memberi galakan kepada komuniti untuk terlibat secara aktif dalam membuat keputusan tentang penjagaan kesihatan, serta mendorong tanggungjawab bersama terhadap kesejahteraan.





Namun, di sebalik kemajuan yang dicapai, masih wujud cabaran dan jurang. Isu-isu seperti jurang akses yang terhad terhadap penjagaan kesihatan antara kawasan bandar dan luar bandar, serta penyebaran maklumat tidak tepat dalam era digital yang memerlukan perhatian dan tindakan berterusan. Usaha-usaha melibatkan kerjasama agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, penyedia perkhidmatan kesihatan dan masyarakat adalah penting bagi mengatasi cabaran ini secara lebih berkesan.

Aspirasi untuk meningkatkan literasi kesihatan di Malaysia berpaksikan kepada komitmen secara kolektif daripada semua pihak dalam melahirkan masyarakat yang celik kesihatan ke arah kehidupan yang lebih sihat dan berkualiti. Komitmen ini merangkumi usaha untuk memupuk budaya mementingkan peningkatan literasi kesihatan sebagai tanggungjawab bersama, mengukuhkan sistem penjagaan kesihatan, memperkasakan komuniti, dan melaksanakan mekanisme pemantauan dan penilaian yang berkesan.

Malaysia berusaha untuk menyelaras inisiatif literasi kesihatan berdasarkan matlamat global dengan mengiktiraf literasi kesihatan sebagai keutamaan negara ke arah pembangunan dan keberhasilan kesihatan awam yang mampan. Pembangunan literasi kesihatan Malaysia sejajar dengan Pelan Tindakan Serantau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengenai Promosi Kesihatan 2018-2030 (*Regional Action Plan on Health Promotion 2018-2030*) dan merupakan sebahagian daripada Resolusi WHO mengenai Sains Tingkah Laku untuk Kesihatan yang Lebih Baik (*Resolution on Behavioural Science for Better Health*).

Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan (DLKK) menyokong Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dan Tonggak Ke-2 Kertas Putih Kesihatan (HWP) mengenai promosi kesihatan dan pencegahan penyakit. Pembangunan literasi kesihatan akan menyumbang kepada ekosistem kesihatan lebih lestari yang menjadi tanggungjawab semua pihak dalam menjaga, melindungi, serta meningkatkan kesihatan masyarakat.

LITERASI KESIHATAN


Pada asalnya, istilah literasi kesihatan merujuk kepada kemahiran asas penting bagi seseorang individu untuk memperoleh dan memahami maklumat kesihatan. Definisi ini kemudiannya dikembangkan kepada tahap kecekapan atau kompetensi individu untuk mendorong mereka mengambil tindakan dalam penjagaan kesihatan mereka. Literasi kesihatan dilihat sebagai satu matlamat global kesihatan awam kerana ia merupakan penentu tahap kesihatan sosial (*social determinants of health*) dan mekanisme penting untuk mencapai matlamat pembangunan mampan.

**Kesan terhadap
penjagaan sendiri,
pencegahan
penyakit dan
saringan kesihatan**

**Kesan kepada
sistem
kesihatan dan
masyarakat**


**MENGAPA
LITERASI
KESIHATAN
PENTING?**





Rajah 1: KERANGKA LITERASI KESIHATAN SORENSON

Menurut kerangka Sorensen (Rajah 1), literasi kesihatan merujuk kepada kemampuan individu mengakses, memahami, menilai, dan mengaplikasi maklumat kesihatan untuk mengambil tindakan dalam penjagaan kesihatan, pencegahan penyakit dan promosi kesihatan merentasi individu dan populasi. Kerangka ini menyediakan konsep asas untuk membangun dan mengesahkan alat pengukuran literasi kesihatan. Terdapat empat kategori penilaian tahap literasi kesihatan seseorang individu iaitu: tidak mencukupi, bermasalah, mencukupi, dan cemerlang. Dengan memberikan penekanan yang lebih besar terhadap literasi kesihatan di luar sistem penjagaan kesihatan, langkah ini berpotensi untuk membantu dalam usaha pencegahan penyakit dan mengurangkan beban yang ditanggung oleh sistem kesihatan.



ANALISIS SITUASI

Pada masa ini, sistem penarafan global untuk literasi kesihatan populasi masih belum dibangunkan. Beberapa indikator sedia ada memberi gambaran umum kedudukan Malaysia berbanding negara lain. Dalam konteks literasi kesihatan, laporan global menerusi Indeks Keselamatan Kesihatan Global yang melibatkan tujuh negara dan empat domain; (1) dasar dan pengukuran literasi kesihatan, (2) literasi kesihatan dalam sektor penjagaan kesihatan, (3) integrasi literasi kesihatan dalam pendidikan, dan (4) pengawalan kandungan kesihatan digital – mendedahkan bahawa Australia dan Amerika Syarikat mempamerkan komitmen dasar yang paling tinggi terhadap literasi kesihatan. Perspektif ini jelas menunjukkan bahawa negara Malaysia masih ketinggalan dalam polisi literasi kesihatan berbanding negara lain di rantau ini. Malaysia juga telah menjadi sebahagian

daripada rangkaian kerjasama negara serantau bagi penyelidikan literasi kesihatan. Walau bagaimanapun, hanya 29 artikel berkaitan literasi kesihatan telah diterbitkan sejak tahun 1985.

Berikutan itu, DLKK menggabungkan beberapa objektif dan pendekatan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan Malaysia sejajar dengan trend global dalam memberi fokus kepada peningkatan literasi kesihatan populasi. Cabaran literasi kesihatan global bertumpukan kepada kerentanan kedudukan fiskal negara, peningkatan jurang sosio ekonomi, dan pematuhan yang lemah terhadap pengambilan ubat-ubatan. DLKK akan merangkumi dasar dan perancangan inisiatif untuk meningkatkan tahap literasi kesihatan rakyat secara inklusif dan saksama.



Dalam analisis tinjauan desktop (*desktop review*) yang dijalankan, didapati kedua-dua agensi kerajaan dan bukan kerajaan di Malaysia telah melaksana inisiatif literasi kesihatan merangkumi aspek penjagaan kesihatan, pencegahan penyakit dan promosi kesihatan. Walau bagaimanapun, beberapa kelemahan telah dikenal pasti dalam inisiatif ini. Berdasarkan tinjauan tersebut, program sedia ada seperti ceramah kesedaran, bengkel, pameran, pemeriksaan kesihatan, larian, kaunseling, dan sesi terapi menumpukan kepada peningkatan akses dan pemahaman maklumat kesihatan. Namun begitu, kurang penekanan diberikan kepada peningkatan keupayaan individu membuat penilaian kritis dan mengaplikasi maklumat kesihatan dengan berkesan. Pemerhatian ini selari dengan dapatan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (2019) dan Tinjauan Literasi Kesihatan Malaysia (2023), yang menunjukkan bahawa terdapat sesetengah kumpulan masyarakat menghadapi kesukaran dalam menilai maklumat kesihatan secara kritikal.

Selain itu, agensi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan melaksana inisiatif literasi kesihatan secara berasingan, yang mengakibatkan kurangnya komunikasi dan kolaborasi yang efektif, mengakibatkan pertindihan program dan penggunaan sumber yang kurang efisien.


Kini, dengan penggunaan meluas media sosial dan ketersediaan maklumat kesihatan, akses kepada maklumat tidak lagi menjadi rintangan besar. Oleh itu, program dan inisiatif literasi kesihatan pada masa hadapan perlu dibangunkan dengan memanfaatkan data dan menggunakan strategi komunikasi perubahan tingkah laku sosial (SBCC) yang kreatif, seperti *behavioural insights*. Tumpuan harus dialihkan daripada perkongsian pengetahuan dan meningkatkan kesedaran, kepada memperkasakan individu untuk mengamalkan tingkah laku yang sihat dan mencari penyelesaian bersama dalam intervensi tingkah laku. Mekanisme pemantauan dan penilaian yang mantap harus diwujudkan untuk menilai keberkesanan program tersebut secara menyeluruh.



PERKEMBANGAN LITERASI KESIHATAN MALAYSIA



TAHAP LITERASI KESIHATAN MALAYSIA (2023)





Sebelum Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (2019) dan Tinjauan Literasi Kesihatan Malaysia (2023), pengukuran literasi kesihatan di Malaysia hanya memberi tumpuan kepada literasi kesihatan kefungsian (*functional health literacy*) yang merangkumi kemahiran asas seperti membaca, menulis, dan membuat pengiraan mudah ke atas maklumat kesihatan. Namun begitu, literasi kesihatan kefungsian masih mempunyai kelemahan dalam mengukur kemahiran individu untuk berfikir secara kritis dalam membuat keputusan kesihatan dengan lebih baik.

Hasil tinjauan berkenaan menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia mempunyai tahap literasi kesihatan yang mencukupi, namun menghampiri tahap skor yang minimum. Analisis terperinci menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan kemampuan individu dalam menilai maklumat dan membuat keputusan berkaitan kesihatan. Keupayaan untuk menilai dengan kritis adalah sangat penting dalam era ini di mana maklumat kesihatan boleh diakses dengan mudah. Akses kepada capaian internet yang meluas membuka peluang kepada penyebaran maklumat yang berkualiti tinggi berkaitan kesihatan dalam penjagaan kesihatan dan pencegahan penyakit. Namun begitu, apa yang lebih mencabar adalah isu berkaitan penyebaran maklumat yang salah dan mengelirukan serta maklumat palsu yang boleh mempengaruhi pembuatan keputusan dan tingkah laku kesihatan individu. Dapatan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (2019) dan Tinjauan Literasi Kesihatan Malaysia (2023) juga menunjukkan keperluan anjakan dalam pemikiran dan pendekatan bagi meningkatkan kemahiran kritikal individu dalam menilai maklumat kesihatan kerana ini akan membantu meningkatkan tahap literasi kesihatan seluruh negara.

Justeru, Rancangan Malaysia Ke-12 telah memberi keutamaan kepada aspek pengukuhan literasi kesihatan rakyat. Strategi untuk membangunkan DLKK telah dipersetujui sebagai salah satu strategi untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman masyarakat tentang asas kesihatan dan perkhidmatan diperlukan untuk kesejahteraan. Seajar dengan itu, sistem pemantauan literasi kesihatan dibangunkan untuk menyokong pelaksanaan dasar ini. Inisiatif ini selari dengan matlamat Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang bertujuan untuk mempromosi pembudayaan hidup sihat dengan memfokuskan peningkatan tahap literasi kesihatan melalui tadbir urus yang lebih baik.



Malaysia telah menggunakan pakai kerangka literasi kesihatan Sorensen dan telah menyesuaikan versi ringkas instrumen kaji selidik dalam Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (2019) dan Tinjauan Literasi Kesihatan Malaysia (2023). Instrumen asal mengandungi 47 soalan (HLS-EU-Q47) dan versi Malaysia yang dipendekkan mengandungi 18 soalan (HLS-M-Q18). Tahap literasi kesihatan turut diringkaskan kepada tiga kategori iaitu terhad, mencukupi dan cemerlang.



HLS-EU-Q47



TIDAK MENCUKUPI BERMASALAH MENCUKUPI CEMERLANG

HLS-M-Q18



TERHAD MENCUKUPI CEMERLANG



PEMBANGUNAN DLKK

Pada tahun 2021 dan 2022, satu lagi inisiatif penting telah dibangunkan dengan memfokuskan kepada penghasilan Kertas Konsep Pelan Tindakan Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan. Projek kolaborasi ini dijalankan bersama-sama Pejabat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (*Country Office for Malaysia, Brunei Darussalam and Singapore*) dan perunding daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk menggariskan komitmen bagi membangunkan Kerangka Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan.

Selain itu, pihak perunding telah menjalankan kajian desktop menyeluruh untuk mengenal pasti dasar, program, dan inisiatif berkaitan literasi kesihatan yang sedia ada di pelbagai agensi dan pemegang taruh di Malaysia. Kajian ini diperkukuh melalui sesi penglibatan pemegang taruh yang merangkumi agensi kerajaan, agensi bukan kerajaan serta komuniti B40. Lebih daripada 50 kumpulan berkepentingan telah memberikan pandangan yang berharga, dan ratusan individu telah mengambil bahagian secara aktif dalam sesi yang telah diadakan.

Sesi libat urus, *townhall*, penyediaan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) dan Majlis Pelancaran DLKK.

2019-2020



2021



50

PEMEGANG TARUH

2022



2023



2024



31 AGENSI

Pembangunan DLKK bermula dengan perintisan fasa baharu dalam Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) pada tahun 2019 yang memberi penekanan kepada tahap literasi kesihatan masyarakat. Pada peringkat ini, satu tinjauan populasi menggunakan alat kaji selidik yang telah dibangunkan oleh pihak perunding (HLS-M-Q18).

Bengkel Kumpulan Berfokus Literasi Kesihatan, Pemerkasaan Komuniti, dan Mobilisasi (FGD) dilaksanakan bagi membangunkan Kertas Strategi RMK-12 yang komprehensif dengan tumpuan diberikan kepada aspek tadbir urus inisiatif literasi kesihatan kebangsaan dan pemerkasaan komuniti melibatkan penyertaan aktif daripada 31 agensi yang berlainan.

30 AGENSI

Pada tahun 2023, cadangan pembangunan Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan (DLKK) dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) melibatkan 30 agensi. Seterusnya, syor pembangunan DLKK mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) Bil 1/2023 dan seterusnya disusuli dengan kelulusan Jemaah Menteri menerusi Memorandum pada 12 Ogos 2023 bagi pelaksanaan Fasa ke-2 inisiatif Agenda Nasional Malaysia Sihat.

Tinjauan Literasi Kesihatan Malaysia telah dilaksanakan bagi menilai tahap literasi kesihatan dalam kalangan dewasa Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas. Tinjauan ini dijalankan serentak dengan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS).



KONSULTASI DAN LIBAT URUS



Perbincangan kumpulan berfokus dan temu bual secara mendalam

Perbincangan bersama
SME (Subject Matter
Experts) dan analisis
Desktop Review



Sesi libat urus pemegang taruh,
konsultasi dan pembentangan



Townhalls dan sesi libat urus bersama *key-players*



ISU & JURANG



TAHAP KOMPETENSI LITERASI KESIHATAN TIDAK SEIMBANG

Inisiatif literasi kesihatan sedia ada terlalu memberi tumpuan kepada komponen aksesibiliti kepada maklumat kesihatan. Rakyat Malaysia secara umumnya mempunyai keupayaan yang lebih rendah untuk menilai secara kritikal maklumat kesihatan.




TADBIR URUS & TANGGUNGJAWAB TIDAK MENYELURUH

Inisiatif literasi kesihatan di Malaysia dilaksanakan oleh pelbagai agensi secara berasingan (*in-silo*). Untuk memperkukuh tahap literasi kesihatan rakyat agar lebih menyeluruh, tanggungjawab ini perlu dikongsi secara bersama oleh semua pihak.



DATA & PENGUKURAN LITERASI KESIHATAN TIDAK BERSEPADU

Kejayaan inisiatif-inisiatif ini tidak boleh diukur secara menyeluruh kerana ketiadaan satu sistem pemantauan dan penilaian (M&E) yang inklusif. Sistem M&E perlu dibangunkan berdasarkan kerangka literasi kesihatan kebangsaan bagi pemantauan (*surveillance*) dan penilaian keseluruhan bagi meningkatkan akses kepada maklumat kesihatan, kemahiran untuk memahami, menilai dan menggunakannya untuk mengambil tindakan ke arah kesihatan yang lebih baik.



MEMBINA SINERGI LITERASI KESIHATAN MALAYSIA





MISI

Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan bermatlamat untuk meningkatkan tahap literasi kesihatan rakyat Malaysia secara inklusif dengan memantapkan kompetensi mengakses maklumat kesihatan, memahami, membuat penilaian dan mengambil tindakan untuk kesejahteraan kesihatan.

Dasar ini bertekad memperkukuh tadbir urus ekosistem literasi kesihatan Malaysia merentasi agensi menerusi pendekatan *"Whole-of-Nation"*.

Dasar ini mengarus perdana komitmen dalam menambah baik mekanisme pelaksanaan inisiatif literasi kesihatan secara menyeluruh.

VISI

Melahirkan rakyat yang mempunyai tahap literasi kesihatan cemerlang ke arah kesejahteraan hidup



ASPIRASI

Literasi kesihatan menjadi keutamaan dalam semua sektor dan golongan masyarakat bagi melahirkan individu berpengetahuan dan berkemahiran yang mencukupi bagi membuat keputusan bijak mengenai kesihatan dan kesejahteraan mereka. Aspirasi ini merangkumi beberapa aspek utama iaitu :

1. Kesihatan sebagai Tanggungjawab Bersama

- » Mewujudkan budaya di mana kesihatan dianggap sebagai tanggungjawab bersama antara individu, komuniti, agensi kerajaan, sektor swasta dan semua pihak berkepentingan.
- » Mempromosi kesihatan sebagai usaha kolektif berdasarkan pendekatan *Whole-of-Nation* bertujuan mewujudkan persekitaran yang menyokong (*supportive environment*) di mana semua pihak dapat terlibat secara aktif dalam meningkatkan tahap kesihatan rakyat.

2. Ekosistem Kesihatan yang Diperkukuh dan Inklusif

- » Menyumbang kepada pengukuhan sistem penjagaan kesihatan sedia ada terutama di kawasan yang kurang mendapat liputan dan akses kesihatan di Malaysia di samping mewujudkan persekitaran kesihatan yang inklusif.
- » Ini termasuk meningkatkan kapasiti dan kompetensi anggota kesihatan dalam meningkatkan kebolehcapaian (aksesibiliti), ketersediaan fasiliti dan perkhidmatan kesihatan, dan pelaksanaan program literasi kesihatan berasaskan bukti.

3. Komuniti yang Bertanggungjawab, Diperkasa dan Berfikiran Kritis

- » Memupuk rasa bertanggungjawab dan kepunyaan kesihatan (*ownership in health*) dalam kalangan rakyat Malaysia. Dengan tahap literasi kesihatan cemerlang, individu diperkasa dengan kompetensi untuk memahami maklumat kesihatan dan membuat keputusan (*informed decision making*) ke arah kesejahteraan. Rakyat yang bertanggungjawab akan terlibat secara aktif dalam intervensi kesihatan ke arah kesihatan yang lebih baik.

4. Kepentingan Membuat Keputusan berasaskan Data

- » Mekanisme pemantauan dan penilaian pintar adalah untuk memantau dan menilai keberkesanan inisiatif literasi kesihatan. Pangkalan data sumber terbuka yang mengandungi maklumat dan indikator literasi kesihatan akan membolehkan pelbagai pihak berkepentingan membuat keputusan berdasarkan bukti bagi merancang program promosi kesihatan. Ini menganjakkan fokus daripada penjaan data deskriptif kepada penggunaan data dalam meramal, merancang dan membuat perubahan mengikut keperluan perancangan program.





KERANGKA DLKK

RAKYAT MEMPUNYAI TAHAP LIT

KEBERHASI

Peningkatan Kompetensi
Literasi Kesehatan

Ekosistem Kondusif
Literasi Ke

TERAS

Pembangunan Kompetensi Literasi
Kesehatan Rakyat

Penguatan
Literasi Ke

STRA

Memantapkan Kompetensi
Literasi Kesehatan Menerusi
Integrasi Dalam Sistem
Pendidikan

Mengadvokasi Kompetensi
Literasi Kesehatan dalam
Kalangan Kumpulan Sasar

Meningkatkan Akses Rakyat
kepada Maklumat Kesehatan yang
Tepat dan Mudah Difahami



ERASI KESIHATAN CEMERLANG

LAN UTAMA

yang Menyokong
sihatan

Tadbir Urus Literasi Kesihatan
yang Sinergi dan Bersepadu

DASAR

Ekosistem
sihatan

Pemantapan Tadbir Urus
Literasi Kesihatan

TEGI

Mentransformasi
Komunikasi Kesihatan

Mempelbagai
Sumber Kewangan

Mengintegrasikan Kemajuan
Literasi Kesihatan Menerusi
Sistem Data Pintar



TERAS DASAR

1

Pembangunan
kompetensi literasi
kesihatan rakyat



2

Penguatan
ekosistem
literasi
kesihatan



3

Pemantapan
tadbir urus
literasi kesihatan



6 STRATEGI 16 INISIATIF



1

MEMANTAPKAN KOMPETENSI LITERASI KESIHATAN MENERUSI INTEGRASI DALAM SISTEM PENDIDIKAN



RASIONAL

Pendidikan kesihatan hendaklah bermula pada usia muda. Literasi kesihatan perlu diajar kepada pelajar dan generasi muda untuk menyemai nilai kecintaan kepada budaya hidup sihat untuk kesejahteraan kesihatan. Literasi kesihatan boleh diterapkan dalam kurikulum dan aktiviti kokurikulum. Sektor awam dan swasta juga boleh menyumbang dan bekerjasama dalam inisiatif sedemikian dengan sokongan dan komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi.

HASIL YANG DIINGINI

Golongan muda yang mahir dalam mengakses maklumat kesihatan dan menguasai kemahiran literasi kesihatan yang baik ke arah kehidupan yang sihat dan berkualiti. Kemahiran ini membolehkan mereka untuk meneliti dan memahami maklumat yang diperolehi, memisahkan fakta daripada pendapat dan mengenal pasti sumber yang boleh dipercayai.

Memahami maklumat kesihatan adalah langkah penting seterusnya bagi golongan muda. Dengan kemahiran ini, mereka dapat menafsirkan dan menyusun maklumat tersebut dengan cara yang mudah difahami. Dengan pemahaman yang kukuh, golongan muda dapat membuat hubungan antara maklumat yang mereka peroleh dengan keadaan kesihatan diri mereka sendiri atau orang lain dalam komuniti mereka.

Kemahiran menilai maklumat kesihatan membolehkan golongan muda menyaring dan menilai kebolehpercayaan serta relevansi maklumat yang diperolehi. Dengan kemahiran ini, golongan muda dapat membuat keputusan bijak tentang langkah-langkah yang perlu diambil berdasarkan maklumat yang mereka terima.

Kemahiran membuat keputusan bijak dalam konteks kesihatan adalah kemahiran yang penting. Golongan muda yang mahir dalam literasi kesihatan dapat menilai risiko dan faedah pelbagai pilihan, serta mempertimbangkan nilai peribadi dan keutamaan kesihatan mereka ke arah pembudayaan hidup yang sihat dan berkekalan.

STRATEGI 1

MEMANTAPKAN KOMPETENSI
LITERASI KESIHATAN MENERUSI
INTEGRASI DALAM SISTEM
PENDIDIKAN

Inisiatif 1

Memperluas penerapan
elemen kompetensi
literasi kesihatan
merentasi kurikulum

Inisiatif 2

Memantapkan penerapan
literasi kesihatan
menerusi aktiviti
kokurikulum

Inisiatif 3

Menambah baik
pembangunan
keupayaan dan
sokongan kepada
pendidik



INISIATIF 1

Memperluas penerapan elemen kompetensi literasi kesehatan merentasi kurikulum

AKTIVITI

1

Menerapkan kemahiran tingkah laku kesihatan ke dalam kurikulum pendidikan kesihatan di prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah.

2

Menerapkan kompetensi literasi kesihatan dalam kurikulum pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi terutamanya pengajian yang melibatkan kesihatan.



INISIATIF 2

Memantapkan penerapan literasi kesihatan menerusi aktiviti kokurikulum

AKTIVITI

1

Menyemak garis panduan kokurikulum bagi menyokong literasi kesihatan di institusi pendidikan.

2

Menggalakkan penglibatan dan kerjasama profesional kesihatan/ komuniti/ pihak berkepentingan dalam aktiviti peningkatan literasi kesihatan menerusi kokurikulum.

3

Menerapkan literasi kesihatan dalam kelab atau badan kokurikulum berkaitan promosi kesihatan di institusi pendidikan.

4

Membina upaya pelajar sebagai pendidik kesihatan kepada rakan sebaya.



INISIATIF 3

Menambah baik pembangunan keupayaan dan sokongan kepada pendidik

AKTIVITI

1

Membina upaya guru dan tenaga pengajar bagi pembangunan profesional untuk menerapkan kemahiran literasi kesihatan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P).

2

Menambah baik kurikulum pendidikan guru dan tenaga pengajar di peringkat pengajian ikhtisas.



2

MENGADVOKASI KOMPETENSI LITERASI KESIHATAN DALAM KALANGAN KUMPULAN SASAR



RASIONAL

Tahap literasi kesihatan dalam kalangan warga emas, berpendidikan rendah dan komuniti di kawasan pedalaman adalah rendah [Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (2019) dan Tinjauan Literasi Kesihatan Malaysia (2023)]. Menangani jurang kelemahan dalam mengakses, memahami, menilai, dan mengaplikasikan maklumat kesihatan bagi warga emas dan kumpulan rentan memerlukan pendekatan yang *tailored-based* dan berfokus. Warga emas dan kumpulan rentan sering menghadapi cabaran tambahan seperti kecacatan fizikal, sosial, atau kewangan yang boleh menghalang akses mereka kepada maklumat kesihatan yang berkualiti. Oleh itu, penting untuk menyediakan sumber maklumat kesihatan yang mudah diakses, seperti panduan kesihatan dalam format yang sesuai dengan keperluan mereka, termasuk bahan cetak, audio, atau platform digital yang mesra pengguna. Selain itu, program-program pendidikan kesihatan yang disesuaikan dengan keperluan mereka perlu diperkenalkan untuk meningkatkan pemahaman mereka terhadap isu-isu kesihatan yang relevan.

HASIL YANG DIINGINI

Peningkatan tahap literasi kesihatan dalam kalangan warga emas dan kumpulan rentan di Malaysia menerusi advokasi yang berterusan seperti melibatkan mereka secara aktif dalam aktiviti promosi kesihatan. Program sukarelawan diperkukuh untuk membantu menyampaikan maklumat kesihatan secara langsung kepada komuniti. Dengan cara ini, mereka akan berasa lebih terlibat dan memiliki tanggungjawab terhadap kesihatan mereka sendiri.

Program pendidikan kesihatan berfokus disesuaikan dengan keperluan warga emas dan kumpulan rentan dilaksanakan secara berterusan menerusi pelbagai platform yang bersesuaian. Menerusi pendekatan advokasi, pemerkasaan komuniti dan pendidikan kesihatan di pusat jagaan warga emas dan komuniti rentan meningkatkan pengetahuan dan sokongan yang diperlukan untuk mereka membuat keputusan kesihatan yang lebih baik dan menjalani hidup yang lebih sihat.

STRATEGI 2

MENGADVOKASI KOMPETENSI
LITERASI KESIHATAN DALAM
KUMPULAN SASAR

Inisiatif 4

Memperkasa
golongan warga
emas menerusi
bina upaya dan
bimbingan

Inisiatif 5

Mengorientasi
kompetensi literasi
kesihatan dalam
kalangan populasi
rentan menerusi
bimbingan *tailored-
based*

Inisiatif 6

Memperkukuh
penerapan literasi
kesihatan dalam
program kesihatan
di tempat kerja



INISIATIF 4

Memperkasa golongan warga emas menerusi bina upaya dan bimbingan

AKTIVITI

1

Menerapkan kemahiran literasi kesihatan dalam aktiviti warga emas di PAWE dan Pusat Jagaan warga emas.



2

Meningkatkan penglibatan komuniti tempatan dan keluarga dalam menyediakan sokongan dan perkhidmatan kepada golongan warga emas.

3

Mempertingkatkan sumber maklumat kesihatan yang mudah diakses dan difahami oleh golongan pra-pesara dan pesara.



INISIATIF 5

Mengorientasi kompetensi literasi kesihatan dalam kalangan populasi rentan menerusi bimbingan *tailored-based*

AKTIVITI

1

Menerapkan kemahiran literasi kesihatan dalam perkhidmatan kesihatan sedia ada dan program-program khusus kepada populasi rentan dan di luar arus perdana (*marginalized group*).

2

Bekerjasama dengan organisasi berasaskan komuniti, kumpulan agama, sekolah, dan klinik tempatan untuk menyampaikan intervensi literasi kesihatan.


3

Melantik pekerja kesihatan komuniti atau pendidik kesihatan yang terlatih dan mahir berkomunikasi untuk menyampaikan maklumat kesihatan kepada populasi rentan.



INISIATIF 6

Memperkuh penerapan literasi kesihatan ke dalam program kesihatan di tempat kerja



1

Menerapkan kemahiran literasi kesihatan dalam program pembangunan kapasiti pekerja sedia ada. Cth: Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP), KOSPEN WOW, BTN dan Program Transformasi Minda.

2

Bekerjasama dengan pihak PERKESO bagi meningkatkan penglibatan pihak swasta dalam penerapan literasi kesihatan di tempat kerja.

3

Bekerjasama dengan penyedia latihan bagi menerapkan kemahiran literasi kesihatan kepada Sektor Tidak Formal (contoh: Pekerja Gig dan Orang Bekerja Sendiri (OBS)).

3

MENINGKATKAN AKSES RAKYAT KEPADA MAKLUMAT KESIHATAN YANG TEPAT DAN MUDAH DIFAHAMI



RASIONAL

Strategi untuk meningkatkan akses rakyat kepada maklumat kesihatan yang tepat dan mudah difahami adalah penting kerana ia membentuk landasan yang kukuh bagi pembinaan masyarakat yang lebih celik kesihatan dan membudayakan hidup sihat. Dengan menyediakan maklumat kesihatan yang mudah diakses dan difahami, individu dapat membuat keputusan kesihatan yang lebih baik, menggalakkan pencegahan penyakit, dan menguruskan penyakit kronik dengan lebih berkesan. Selain itu, strategi ini membantu mengurangkan jurang kesihatan dengan memastikan kesamaan akses kepada maklumat kesihatan dalam kalangan semua lapisan masyarakat, tidak kira tahap pendidikan atau pendapatan. Ini akan memperkukuhkan kesedaran kesihatan dalam komuniti dan memberi peluang kepada individu untuk berinteraksi secara efektif dengan penyedia perkhidmatan kesihatan. Meningkatkan akses kepada maklumat kesihatan yang tepat dan mudah difahami adalah langkah penting dalam membina masyarakat yang lebih proaktif dalam menjaga kesihatan mereka sendiri dan keluarga, serta mengurangkan beban sistem kesihatan secara keseluruhan.

HASIL YANG DIINGINI

Meningkatkan akses rakyat kepada maklumat kesihatan yang tepat dan mudah difahami dapat meningkatkan kesedaran mereka terhadap isu-isu kesihatan yang relevan, membuat keputusan yang lebih baik mengenai cara hidup sihat dan rawatan kesihatan, serta mengambil langkah-langkah pencegahan yang diperlukan menerusi pembudayaan hidup sihat. Ini dapat membantu dalam mengurangkan kesenjangan tahap kesihatan dalam kalangan berbagai lapisan masyarakat dengan memastikan bahwa semua individu memiliki akses yang sama daripada pelbagai sumber yang berkredibiliti dan mudah dicapai bagi mengelakkan infodemik dan informasi salah disebarkan.



STRATEGI 3

MENINGKATKAN AKSES RAKYAT
KEPADA MAKLUMAT KESIHATAN
YANG TEPAT DAN MUDAH DIFAHAMI

Inisiatif 7
Menambah baik
pengurusan penyebaran
maklumat kesihatan
menerusi saluran
komunikasi strategik
dan bersepadu

Inisiatif 8
Meningkatkan akses
maklumat kesihatan
melalui jangkau luar
dan jerayawara kepada
kumpulan sasar

Inisiatif 9
Memperluas sokongan
komuniti dalam
memperkukuh literasi
kesihatan dalam
komuniti





CONNECT

INISIATIF 7

Menambah baik pengurusan penyebaran maklumat kesihatan menerusi saluran komunikasi strategik dan bersepadu

AKTIVITI

1


Membangunkan pusat sehati (*integrated one-stop centre*) bagi koordinasi pengesahan berita palsu dan *infodemics* dengan menggunakan sistem dan teknologi *Artificial Intelligent (AI)*.

2

Menambah baik integrasi hub maklumat kesihatan secara digital (mHealth) / online (cth: portal MyHEALTH).

3

Mewujudkan garis panduan dan tatacara pembangunan kandungan dan penyampaian informasi kesihatan digital. Contoh: pendidikan wajib kepada *content creators*.



AKTIVITI

4

Mengintegrasikan kolaborasi segmen khas kesihatan sedia ada dan memperuntuk masa siaran di pelbagai platform media kerajaan dan swasta.

5

Menyediakan *Public Service Announcement* (PSA) khas bagi memberi nasihat/ amaran kesihatan dalam drama dan filem yang menyiarkan babak amaran tidak sihat di platform media kerajaan dan swasta.

6

Memberi penghargaan dan apresiasi kepada pengamal media atas usaha mengarus perdana promosi kesihatan di pelbagai platform media.



INISIATIF 8

Meningkatkan akses maklumat kesihatan melalui jangkau luar dan jerayawara kepada kumpulan sasar

AKTIVITI

1

Menyediakan garis panduan pelaksanaan dan pakej penyampaian maklumat kesihatan kepada kumpulan sasar.

2

Bekerjasama dengan sektor swasta dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) berkaitan penyampaian maklumat kesihatan kepada rakyat.



INISIATIF 9

Memperluas sokongan komuniti dalam memperkukuh literasi kesihatan dalam komuniti

AKTIVITI

1

Melatih MyCHAMPION di luar KKM berkaitan kemahiran literasi kesihatan untuk pemerkasaan komuniti.

2

Membina upaya Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk melaksanakan program promosi kesihatan dalam komuniti.

3

Memberi penghargaan dan apresiasi kepada ejen dan sukarelawan atas inisiatif dan komitmen dalam program pemerkasaan komuniti.

4

Bekerjasama dengan *key opinion leaders* bagi menyampaikan maklumat kesihatan kepada komuniti.



4

MENTRANSFORMASI KOMUNIKASI KESIHATAN



RASIONAL

Transformasi komunikasi dalam literasi kesihatan memberi tumpuan kepada komunikasi untuk perubahan sosial dan tingkah laku dan merangkumi usaha menangani stigma sosial, menggalakkan penglibatan awam, memupuk kemahiran literasi kesihatan, mengukuhkan saluran komunikasi yang berkesan, memupuk kolaborasi dan kerjasama, dan melaksanakan strategi komunikasi berasaskan bukti. Transformasi komunikasi yang berkesan boleh memperkasakan individu, mengurangkan halangan kepada maklumat kesihatan, dan menggalakkan penglibatan aktif dalam intervensi kesihatan.

Pelaksanaan komunikasi perubahan sosial dan tingkah laku dalam promosi kesihatan dapat menangani salah tanggapan, kekurangan maklumat, persepsi risiko dan kekurangan kepercayaan terhadap tingkah laku kesihatan, perkhidmatan kesihatan atau produk dalam kalangan orang awam, penyedia perkhidmatan kesihatan dan penggubal polisi.

HASIL YANG DIINGINI

